

PENUTUP BENGKEL PENGURUSAN REKOD PEGAWAI REKOD JABATAN (PRJ) DAN PEMBANTU TADBIR REKOD JABATAN (PRTJ) SIRI 2/2018

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3979-penutup-bengkel-pengurusan-rekod-pegawai-rekod-jabatan-prj-dan-pembantu-tadbir-rekod-jabatan-prtj-siri-2-2018





BANDAR ENSTEK, 4 Okt 18 – Pengarah Perkhidmatan, Kol Mohd Khair bin Shaari TUDM telah menyempurnakan Majlis Penutup Bengkel Pengurusan Rekod PRJ dan PTRJ Siri 2/2018. Bengkel yang telah diadakan di Institut Aminuddin Baki (IAB), Bandar Enstek, Negeri Sembilan bermula pada 2 hingga 4 Okt 18 ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mengenai pengurusan rekod yang betul mengikut standard dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM) disamping meningkatkan lagi kesedaran tentang kepentingan pengurusan rekod yang cekap dan bersistematik agar boleh dijadikan bahan rujukan dan kajian oleh generasi akan datang seterusnya kepada Negara amnya dan TUDM khususnya. Seramai 27 orang peserta telah terlibat yang terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Anggota/ Ketua Kerani/ Kerani Fail dari Seluruh Pangkalan TUDM.